

# Majlis Menandatangani MoU di antara UiTMCPP DAN Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang

Disediakan oleh: Siti Hajar Khalid dan Mohd Haris Ridzuan Ooi Abdullah

Majlis Menandatangani Memoradum Persefahaman (MoU) di antara UiTMCPP dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang telah di adakan secara maya pada 18 Ogos 2021. Kerjasama dengan JPN sebenarnya telah lama wujud sejak awal-awal penubuhan UiTM di Pulau Pinang, namun begitu untuk mengeratkan lagi ikatan yang sudah sedia terjalin, tiga pensyarah daripada JSG (PM ChM Dr Nor Aziyah Bakhari, ChM Marina Mokhtar dan Dr Ainorkhilah) serta Dr Azlan daripada FKE telah mengambil inisiatif untuk membentuk satu jalinan yang lebih rasmi. Usaha ini juga telah dilakukan atas saranan YBrs Rektor UiTMCPP sendiri, Prof Ts Dr Salmiah Kasolang. Dalam memorandum ini pihak-pihak akan berusaha untuk menguatkan, menggalakkan dan membangunkan modal insan di antara pihak-pihak di atas dasar keuntungan bersama dan saksama. Antara Kerjasama yang dipersetujui dalam memorandum ini ialah:

- a) perkongsian kepakaran dalam bidang pengajaran dan inovasi serta pelaksanaan aktiviti bagi melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani;
- b) bekerjasama dalam penyaluran maklumat untuk mempromosi penganjuran aktiviti akademik bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi guru dan pelajar;
- c) mengadakan perbincangan, kursus pendek dan mesyuarat berkenaan isu-isu inovasi dalam bidang pendidikan dan latihan berterusan bagi meningkatkan kepakaran guru dan pensyarah;
- d) kerjasama di dalam penganjuran aktiviti yang melibatkan guru dan pelajar sekolah dari semasa ke semasa.

Diharap kerjasama ini dapat merealisasikan hasrat kerajaan memastikan pelaksanaan dasar pendidikan yang inklusif untuk semua kumpulan masyarakat bukan sekadar canangan apabila semua pihak berjaya memainkan peranan meningkatkan mutu pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi.

